

**KESUKAAN GAYA BELAJAR DI KALANGAN PELAJAR
TINGKATAN 4 DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
BADIN, TUARAN.**



RAMLAH BTE ALIAS

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2004

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @

JUDUL : Kesukaan Gaya Belajar Di Kalangan Pelajar Tingkatan 4
Di Sekolah Menengah Kebangsaan Badin, Tuaran.

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)


SESI PENGAJIAN : 2001 – 2004

Saya, **RAMLAH BTE ALIAS** mengaku membenarkan Tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan **pertukaran** antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD


Disahkan Oleh:

NORAZLYNNE MOHD. JOHAN @ JACKLYNE
PUSTAKAWAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


.....
(Penulis: RAMLAH ALIAS)

.....
(PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap:


.....
(Penyelia: DR. VINCENT PANG)

Tarikh : 3 Julai, 2004

CATATAN: @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

**KESUKAAN GAYA BELAJAR DI KALANGAN PELAJAR
TINGKATAN 4 DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
BADIN, TUARAN.**

**Ramlah Bte Alias
PS2001- 006(K)-168**



**Disertasi Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi
Sebahagian Daripada Syarat-Syarat Bagi
Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2004

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa disertasi ini adalah usaha saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.



UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

3 Julai, 2004

Ramlah Bte Alias
(PS2001-006(K)-168)

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya merakamkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di atas limpah kurnia serta hidayahnya, dapat menyiapkan disertasi ini bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan).

Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan serta jutaan terima kasih kepada Penyelia Dr Vincent Pang. Minat, kesabaran serta dedikasi beliau semasa membimbing, menunjuk ajar serta memberi cadangan sepanjang pelaksanaan disertasi ini amatlah disanjung dan dihargai.

Ucapan terima kasih dan penghargan dirakamkan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Pengetua SMK Badin, Tuaran dan semua pelajar Tingkatan 4, kerana telah memberikan maklum balas untuk tujuan kajian ini.

Sekalung penghargaan kepada pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, rakan-rakan seperjuangan program Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan) dan mereka yang telah turut memberikan sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Akhir sekali saya merakamkan setinggi penghargaan kepada ahli keluarga terutama suami tercinta; Mad Amin Yusof dan anak-anak yang dikasihi, kerana banyak berkorban untuk kejayaan ini.

Semoga Allah sentiasa melindungi dan memberkati segala usaha kita.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan kesukaan gaya belajar di kalangan pelajar Tingkatan 4 SMK Badin, Tuaran, Sabah. Bagi mencapai matlamat kajian, model gaya belajar Dunn dan Dunn telah disesuaikan. Model ini telah mencadangkan lima faktor (dua puluh tiga elemen subskala gaya belajar) yang mampu mengenal pasti kesukaan gaya belajar individu. Lima faktor tersebut adalah persekitaran, emosi, sosiologikal, fizikal-fisiologikal dan psikologikal. Walau bagaimanapun kajian ini hanya tertumpu kepada empat faktor sahaja iaitu persekitaran, emosi, sosiologikal dan fizikal-fisiologikal dan 22 elemen subskala gaya belajar. Fokus kajian adalah untuk melihat adakah terdapat perbezaan gaya belajar yang disukai antara pelajar lelaki dan perempuan, adakah terdapat perbezaan gaya belajar yang disukai antara pelajar aliran sains dan kemanusiaan. Dalam kajian ini pembolehubah bebas adalah atribut pelajar iaitu jantina lelaki dan perempuan dan aliran akademik iaitu sains dan kemanusiaan manakala pembolehubah bersandar pula adalah dua puluh dua elemen subskala gaya belajar. Kajian ini berbentuk tinjauan. Seramai 405 pelajar-pelajar Tingkatan 4 telah dipilih sebagai sampel kajian. Instrumen kajian adalah satu set soal selidik iaitu *Learning Style Inventory (LSI) versi 1989* ciptaan Dunn, Dunn dan Price yang mengandungi 104 kenyataan. Satu kajian rintis telah dijalankan di SMK Tamparuli, Sabah untuk menguji kebolehpercayaan instrumen tersebut. Semua data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS)* versi 11.0 untuk tujuan pemangkatan min gaya belajar yang disukai pelajar dan ujian -t telah digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian. Secara keseluruhan kajian mendapati gaya belajar pelajar lelaki sains dan pelajar lelaki kemanusiaan mempunyai perbezaan yang signifikan dalam tiga elemen subskala seperti cahaya, suhu dan pelbagai cara belajar. Gaya belajar pelajar perempuan sains dan perempuan kemanusiaan terdapat perbezaan yang signifikan dalam lapan elemen subskala. Gaya belajar pelajar lelaki sains dan perempuan sains tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Manakala gaya belajar pelajar lelaki aliran kemanusiaan dan perempuan kemanusiaan juga berbeza dalam tiga elemen subskala gaya belajar. Kajian ini adalah sebagai satu langkah permulaan untuk bergerak kepada kajian yang lebih mendalam untuk mengetahui dan memahami gaya belajar pelajar sama ada di sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi. Bidang ini dijangka penting kepada pendidik yang berdepan dengan pelajar pelbagai latar belakang dan kebolehan.

ABSTRACT

THE LEARNING STYLE PREFERENCES AMONG FORM FOUR STUDENTS OF SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BADIN, TUARAN

This study is aimed at identifying the learning style preferences among form four students of SMK Badin, Tuaran, Sabah. For the purpose of the study, an adapted version of Dunn and Dunn's learning style model was used. This model encompasses five factors (twenty three elements of sub-scales) which are expected to pin-point an individual's learning styles. These five factors are categorised under environmental, emotional, sociological, physical-physiological and psychological. However, only four of the above (environmental, emotional, sociological, physical-physiological) and twenty two elements of subscales were focused on. The study has two main foci, namely, to find out if there is any difference in learning styles among male and female students, and among science stream students and those taking humanities. In this study, two independent variables, i.e gender and academic streaming, and twenty two dependent variables (comprising the twenty two elements of sub-scales) were studied. This study takes the form of a survey. A total of 405 form 4 students were chosen as samples. The research instrument used was Dunn and Dunn 1989 Learning Style Inventory, which consists of 104 statements. Pilot testing was done in SMK Tamparuli Sabah, to test the reliability of the instrument. Data collected was taken then analysed using the Statistical Packages for the Social Sciences version 11.0, to calculate the learning style means, and the t-test was employed to test the hypotheses. The overall findings of the study revealed that the male science and humanities students display significant learning style differences in three elements of subscales, namely light, temperature and multiple learning styles. Like wise, the female students of both the science and humanities streams were found to differ significantly in eight elements of subscales. Both the male and female students of the science stream did not differ significantly in their learning styles preferences. Finally, among both the male and female humanities students, a significant difference was found in three elements of subscales. This study is expected to pave the way for a more comprehensive study in the field of learning style either in primary or secondary schools or in institution of higher learning. Its importance is to be expected, especially to educators since they are the ones facing students of varied background and capabilities.

KANDUNGAN

	Muka surat
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
<i>Abstract</i>	v
Kandungan	vi
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	10
1.4	Soalan Kajian	10
1.5	Hipotesis Kajian	11
1.6	Kepentingan Kajian	12
1.7	Konsep Asas	13
1.8	Konsep Gaya Belajar	13
1.8.1	Gaya Kognitif	14
1.8.2	Gaya Afektif	15
1.8.3	Gaya Fisiologi	16
1.9	Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn	17
1.9.1	Latar Belakang Pembentukan Model	17
1.9.2	Andaian Teoritik Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn	18
1.9.3	Komponen Model Pembelajaran Dunn dan Dunn	19
1.9.4	Kerangka Model Kajian	22
1.10	Definisi Istilah	23
1.11	Batasan kajian	30
1.12	Kesimpulan	31

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	32
2.2	Konsep dan Definisi Gaya Belajar	33
2.3	Kepentingan Maklumat Gaya Belajar	36
2.4	Gaya Belajar dan Faktor Budaya	37
2.5	Kajian Gaya Belajar dan Pencapaian	40
2.6	Kajian Gaya Belajar dan Jantina	43
2.7	Kajian Berkaitan Faktor-Faktor Gaya Belajar	46
2.7.1	Faktor Persekitaran: Elemen tahap bunyi, Suhu, cahaya dan reka bentuk bilik darjah	46
2.7.2	Faktor Emosi: Motivasi, tanggung jawab, ketabahan dan kesukaan struktur	48
2.7.3	Faktor Sosiologikal: Kesukaan kepada teman belajar, pengawasan belajar, pelbagai cara belajar dan guru & keluarga sumber motivasi	49
2.7.4	Faktor Fizikal-Fisiologikal: Kesukaan belajar secara auditori, visual, <i>tactile</i> , <i>kinesthetic</i> , waktu belajar & tahap kecergasan, kesukaan belajar sambil makan dan kesukaan kepada rehat dan pergerakan	51
2.8	Kesimpulan	54

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	55
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	56
3.4	Kaedah Kajian	57
3.5	Instrumen Kajian	58
3.6	Pengesahan Instrumen	63
3.7	Kebolehpercayaan 22 Elemen Subskala Gaya Belajar Dalam LSI	64
3.8	Kajian Rintis	66
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	68
3.10	Analisis Data	68
3.11	Kesimpulan	69

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	70
4.2	Gaya Belajar Yang Disukai Oleh Pelajar Tingkatan 4 di SMK Badin, Tuaran Berdasarkan 22 Elemen Subskala	71
4.3	Gaya Belajar Yang Disukai Oleh Pelajar Lelaki Tingkatan 4 Aliran Sains di SMK Badin, Tuaran	81
4.4	Gaya Belajar Yang Disukai Oleh Pelajar Lelaki Tingkatan 4 Aliran Kemanusiaan di SMK Badin, Tuaran	82
4.5	Gaya Belajar Yang Disukai Oleh Pelajar Perempuan Tingkatan 4 Aliran Sains di SMK Badin, Tuaran	83
4.6	Gaya Belajar Yang Disukai Oleh Pelajar Perempuan Tingkatan 4 Aliran Kemanusiaan di SMK Badin, Tuaran	85
4.7	Hipotesis Kajian	86

BAB 5 KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Kesimpulan	95
5.2	Perbincangan	103
5.3	Kaitan Model Gaya Belajar Dunn Dengan Dapatan Kajian	108
5.4	Implikasi Kajian	109
5.5	Cadangan Kajian	110

RUJUKAN

112

LAMPIRAN

121

Lampiran A: Instrumen kajian

Lampiran B: Surat kebenaran menjalankan kajian

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
Jadual 3.1	<i>Learning Style Inventory</i> (LSI)	59
Jadual 3.2	Pilihan jawapan berdasarkan skala Likert	62
Jadual 3.3	Nilai pekali kebolehpercayaan ketekalan dalaman bagi 22 elemen subskala dalam inventori LSI	65
Jadual 3.4	Nilai pekali kebolehpercayaan ketekalan dalaman bagi empat faktor dalam inventori LSI bagi ujian rintis	67
Jadual 3.5	Klasifikasi nilai min bagi 22 elemen subskala	69
Jadual 4.1	Analisis statistik deskriptif bagi min dan sisihan piawai 22 elemen subskala gaya belajar bagi pelajar Tingkatan 4	71
Jadual 4.2	Min dan sisihan piawai faktor persekitaran	75
Jadual 4.3	Min dan sisihan piawai faktor emosi	76
Jadual 4.4	Min dan sisihan piawai faktor fizikal-fisiologikal	77
Jadual 4.5	Min dan sisihan piawai faktor sosiologikal	79
Jadual 4.6	Gaya belajar yang disukai berdasarkan faktor	80
Jadual 4.7	Gaya belajar yang disukai pelajar lelaki Tingkatan 4 aliran sains berdasarkan 22 elemen subskala	81
Jadual 4.8	Gaya belajar yang disukai pelajar lelaki Tingkatan 4 aliran kemanusiaan berdasarkan 22 elemen subskala	82
Jadual 4.9	Gaya belajar yang disukai pelajar perempuan Tingkatan 4 aliran sains berdasarkan 22 elemen subskala	83

Jadual 4.10	Gaya belajar yang disukai pelajar perempuan Tingkatan 4 aliran kemanusiaan berdasarkan 22 elemen subskala	85
Jadual 4.11	Min, sisihan piawai dan ujian -t bagi pembolehubah bersandar 22 elemen subskala dengan pelajar lelaki Tingkatan 4 aliran sains dan pelajar lelaki Tingkatan 4 aliran kemanusiaan	87
Jadual 4.12	Min, sisihan piawai dan ujian -t bagi pembolehubah bersandar 22 elemen subskala dengan pelajar lelaki Tingkatan 4 aliran sains dan pelajar lelaki Tingkatan 4 aliran kemanusiaan	89
Jadual 4.13	Min, sisihan piawai dan ujian -t bagi pembolehubah bersandar 22 elemen subskala dengan pelajar lelaki Tingkatan 4 aliran sains dan pelajar perempuan Tingkatan 4 aliran sains	91
Jadual 4.14	Min, sisihan piawai dan ujian -t bagi pembolehubah bersandar 22 elemen subskala dengan pelajar lelaki Tingkatan 4 aliran kemanusiaan dan pelajar perempuan Tingkatan 4 aliran kemanusiaan	93

SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

Rajah 1.1 Model Gaya Pembelajaran Dunn & Dunn 21

Rajah 1.2 Kerangka Model Kajian 22



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Matlamat Falsafah Pendidikan Negara adalah untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu meliputi aspek-aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhlak mulia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Bagi **mencapai** hasrat ini para pendidik perlu perihatin terhadap perbezaan individu yang wujud di kalangan pelajar agar usaha menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik, lebih berkesan, lebih bersifat individu dan lebih menumpukan pembelajaran berbentuk kadar sendiri (*self-paced learning*) serta bersesuaian dengan ciri pelajar-pelajar dapat dihasilkan. Hal ini kerana pendidikan hari ini kian menumpukan ke arah pengindividuan pengajaran dan pembelajaran (Saharom & Yap, 1992).

Perbezaan individu merupakan satu fenomena yang telah diakui kewujudannya dalam dunia pendidikan. Bidang psikologi perbezaan individu mengemukakan hujah bahawa seseorang individu itu dapat belajar dengan baik apabila kaedah atau gaya pengajaran bersesuaian dengan ciri-ciri peribadi pembelajaran seseorang.

Menurut Bennie (1997) kewujudan pelbagai teori-teori pembelajaran dan hasil kajian di bidang psikologi pendidikan mendapati bahawa:

- a. Semua individu adalah berbeza
- b. Perbezaan individu mempengaruhi proses dan hasil pengajaran,
- c. Hasil pembelajaran dapat dipertingkatkan dengan menyesuaikan pengajaran dengan ciri- ciri perbezaan individu, dan perbezaan individu ini dapat dilihat dalam pelbagai aspek.

Perbezaan individu juga merupakan satu aspek yang luas meliputi pelbagai ciri-ciri elemen tertentu. Dilihat dari satu aspek, Ng (1983) menjelaskan bahawa setiap individu mempunyai ciri-ciri sahsiah (*personality characteristics*) yang berbeza terutama dari segi kebolehan am (*general ability*), ciri-ciri individu (*individual traits*) dan gaya-gaya kognitif (*cognitive styles*). Oleh kerana seseorang itu berbeza dari segi ciri-ciri sosial, psikologi dan peribadi maka dengan mengetahui ciri tersebut dapat membantu para pendidik membuat perancangan sebelum pengajaran dilaksanakan.

Di samping itu juga, dilihat dari segi umur dan budaya, pelajar di pelbagai peringkat termasuk di sekolah-sekolah adalah berbeza di antara satu sama lain dari segi kecerdasan, kebolehan dan kemahiran psikomotor, pengetahuan sedia ada dan pengalaman, motivasi dan minat, gaya pemikiran dan cara belajar.

Menurut Abdul Rahim (1995) individu pelajar berbeza dari segi pengendalian sesuatu tugas pembelajaran, corak perkembangan, gaya pembelajaran, kemahiran-kemahiran, tingkah laku, minat, bakat, kebolehan dan sikap yang perlu diberi perhatian untuk menghasilkan lebih banyak pembelajaran yang bermakna.

Menurut Amir (1996) perbezaan-perbezaan yang wujud di kalangan para pelajar terutamanya perbezaan dari segi cara dan gaya belajar, komitmen terhadap pembelajaran, motivasi dan pelbagai ragam belajar yang lain sama ada wujud secara semulajadi beserta dengan batasan dan ketentuan-ketentuan persekitaran adalah merupakan satu aset jika pelajar menyedari dan mengetahui kekuatan belajar masing-masing.

Menurut Dunn dan Dunn (1978;1992) gaya belajar adalah faktor-faktor luaran yang menunjukkan kesukaan gaya belajar seseorang dalam mempelajari, menumpukan perhatian, memproses dan mengekalkan maklumat yang diterima sama ada maklumat itu sukar atau baru. Oleh itu, perbezaan ciri-ciri individu di kalangan pelajar yang dalam konteks ini akan membawa implikasi kepada gaya belajar yang berbeza. Hal ini seharusnya dijadikan panduan kepada para guru untuk merancang pengajaran dan pembelajaran yang efektif serta bertepatan dengan kehendak dan keperluan pelajar, masa, keadaan dan tempat. Ini perlu agar pelajar bukan sahaja dapat menunjukkan potensi diri akademik yang optimum bahkan juga dapat memupuk minat yang berkekalan dalam suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik.

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam melaksanakan suatu pengajaran dan pembelajaran yang sistematik, menganalisis keperluan ciri-ciri pelajar adalah penting kerana keberkesanan suatu program pengajaran bergantung juga kepada keperluan, kehendak dan kebolehan pelajar. Seiringan dengan itu, teori pembelajaran humanistik, misalnya menganggap bahawa pelajar-pelajar seharusnya menjadi fokus dalam proses pendidikan kerana mereka merupakan input kepada pembentukan kurikulum, kaedah pengajaran dan suasana pembelajaran. Menurut Hollis (1991) pembelajaran yang bermakna dan relevan akan hanya dicapai dengan mengutamakan keperluan individu tahap perkembangan dan gaya peribadi pelajar.

Laporan Setiausaha Peperiksaan SMK Badin (2003) melaporkan keputusan peperiksaan semester dan ujian bulanan yang dikendalikan oleh guru-guru mendapati bahawa prestasi akademik pelajar-pelajar lelaki dalam Tingkatan 4 di sekolah ini tidak begitu baik berbanding prestasi akademik pelajar perempuan. Didapati juga prestasi dalam melaksana tugas, telah memperlihatkan kelemahan seperti terlalu kerap sangat bergantung kepada bimbingan guru, tidak menunjukkan kesepakatan dalam kumpulan untuk menyiapkan kerja, melaksanakan tugas dengan cara tidak terancang, menyediakan tugas di saat terakhir dan akhirnya menghasilkan tugas yang tidak memuaskan. Bahagian Hal Ehwal Murid, SMK Badin (2003)

merekodkan kehadiran pelajar lelaki lebih ramai datang lewat ke sekolah. Hal-hal sebegini mungkin merupakan faktor yang menyumbang ke arah pencapaian prestasi yang tidak memuaskan.

Oleh yang demikian masalah ini perlu didekati dan menuntut guru agar memahami dan mengenal pasti kesukaan gaya belajar pelajar terutamanya pelajar lelaki dan dapat membantu mereka untuk mengikuti pembelajaran dan guru sendiri. Oleh itu, kajian ini adalah untuk melihat aspek kesukaan gaya belajar pelajar lelaki dan perempuan Tingkatan 4 aliran sains dan kemanusiaan SMK Badin. Menurut Ng (1985) hal ini dikaji kerana gaya belajar merupakan salah satu daripada pembolehubah bukan akademik yang dapat mempengaruhi pencapaian dan seterusnya dapat mengoptimumkan hasil pembelajaran.

Sternberg (1994) turut mengemukakan hujahnya dengan menyatakan terdapat kecenderungan di kalangan guru untuk mengaitkan kelemahan pencapaian dengan kekurangan kemahiran menyebabkan guru memandang rendah faktor ketidaksesuaian cara dan suasana pengajaran dengan gaya pembelajaran pelajar. Oleh itu, dalam mengkaji perbezaan pencapaian dan perbezaan individu, aspek gaya pembelajaran pelajar tidak seharusnya ditolak tepi malah perlu dipertimbangkan untuk mengoptimumkan hasil pembelajaran.

Selain kurang menitikberatkan faktor gaya pembelajaran dalam menilai pencapaian pelajar, guru juga mengalami kesukaran memenuhi keperluan setiap individu pelajar terutamanya di dalam sesebuah kelas yang terdiri daripada individu pelajar yang mempunyai minat, motivasi, bakat, kecenderungan pembelajaran yang berlainan daripada pelajar lain. Guru menghadapi dilema kerana mengetepikan faktor ciri-ciri pelajar dan gaya belajar adalah bercanggahan dengan prinsip pendidikan.

Oleh yang demikian, guru memerlukan maklumat, pengetahuan dan kemahiran tentang ciri-ciri seseorang pelajar dan gaya belajarnya agar dapat membuat pilihan yang tepat serta bersesuaian iaitu bila pengajaran secara kelas patut digunakan, bila tumpuan harus diberikan kepada pengajaran kumpulan dan bila pengajaran individu patut diajarkan. Ini adalah penting demi meluaskan peluang untuk pembelajaran kepada pelajar dan mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang dapat menimbulkan galakan, minat dan kepuasan yang maksimum dan berterusan kepada pelajar.

Ditinjau dari aspek amalan pengajaran di kalangan guru, di dapati guru lebih kerap membaca, memberi penjelasan berdasarkan isi kandungan teks dan kurang menggunakan alat bantuan mengajar. Menurut Asiah (1993) amalan penggunaan alatan dan bahan di dalam bilik darjah juga semakin lama semakin kurang digunakan guru. Ini menunjukkan bahawa ciri-ciri perbezaan individu serta gaya belajar pelajar kurang dititikberatkan oleh guru.

Menurut Ismail (1989) guru masih lagi menggunakan kaedah pengajaran yang bersifat *teacher-centered* iaitu menggunakan kaedah lisan dan penggunaan kapur dan papan hitam. Pengajaran satu hala kurang berkesan kerana hanya 20% hingga 30% sahaja pelajar dalam satu kumpulan besar yang mampu mengingat 75% daripada maklumat yang disampaikan. Oleh itu, suasana pembelajaran yang kreatif dan kondusif memerlukan guru memiliki pengetahuan tentang gaya belajar pelajar agar kaedah pengajaran dapat dipelbagaikan bersesuaian dengan keperluan pelajar.

Joyce dan Shower (1994) berpendapat kewujudan pelajar-pelajar marginal (*marginal learners*) iaitu pelajar-pelajar yang mengalami ketidakselesaan dan kesukaran mengadaptasikan diri mereka dengan kaedah pengajaran dan suasana pembelajaran yang sedia ada menunjukkan bahawa guru-guru perlu mengetahui ciri-ciri dan gaya belajar setiap pelajar agar mereka dapat mengaplikasikan pelbagai model pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dengan menyediakan pelbagai aktiviti dan suasana yang berorientasikan kepada ciri-ciri personaliti dan gaya belajar pelajar.

Seiringan dengan perkembangan komputer dalam pendidikan, gaya pembelajaran juga didapati mempengaruhi pengetahuan dan kemahiran seseorang dalam penggunaan komputer. Menurut Lindelow (1983) penggunaan Pembelajaran Berbantuan Komputer (CAI) memerlukan pelajar memiliki ciri-ciri seperti ketangkasan dan kemahiran mengendalikan papan

kekunci, penumpuan yang sepenuhnya, ketelitian dan kesungguhan dalam melakukan tugas, dominasi dalam aspek visual, suka belajar bersendirian, mempunyai keupayaan intuitif serta kebolehan diagnostik yang baik. Menurut Larsen (1992) penggunaan komputer dalam pendidikan telah menimbulkan suatu keperluan penyelidikan untuk mengenalpasti perhubungan antara gaya belajar dan keberkesanan program CAI agar proses pemindahan pengetahuan teknologi kepada setiap pengguna yang berpotensi dapat menghasilkan dan mempertingkatkan pelbagai kaedah pengajaran.

Dari aspek pembelajaran itu sendiri, pembelajaran yang bermakna seharusnya **berseesuaian** dengan cara seseorang belajar. Menurut Tuckman (1992) **perancangan** di bidang kurikulum seharusnya dirangka berdasarkan kepada struktur psikologikal, iaitu gaya belajar pelajar. Keperluan membina, memilih dan menggunakan bahan-bahan kurikulum yang berdasarkan ciri-ciri individu adalah sangat penting.

Dari aspek penyelidikan itu sendiri, walaupun terdapat beberapa penyelidikan dan usaha yang telah dijalankan untuk mencari perhubungan antara kualiti pengajaran, kedudukan sosio ekonomi, ekologi sekolah, latar belakang pelajar, kecukupan kelengkapan serta kemudahan belajar dengan perbezaan individu dan pencapaian akademik pelajar, faktor perbezaan individu terutamanya dari aspek gaya pembelajaran yang meliputi elemen-elemen kebiasaan, minat, personaliti, sikap, tabiat, emosi, motivasi, persepsi,

aspek fisiologikal dan psikologikal masih kurang diselidiki lebih-lebih lagi dalam konteks pendidikan tempatan.

Merujuk kepada sistem pendidikan hari ini, terutamanya di peringkat rendah, pelajar diletakkan dalam kumpulan-kumpulan tertentu dan berasingan berdasarkan kecergasan dan pencapaian pelajar. Namun demikian, hal begini tidak berlaku kepada pelajar yang berada di peringkat menengah. Faktor-faktor perbezaan individu di kalangan pelajar serta kaitannya dengan proses pengajaran dan pembelajaran kurang diberi penekanan terutamanya di peringkat menengah sedangkan menganalisis ciri-ciri keperluan pelajar adalah perlu. Perkara sebegini tidak harus dipandang sepi. Kewujudan pelbagai corak dan gaya belajar yang kompleks di kalangan individu pelajar di dalam sesebuah kelas memerlukan kajian yang lebih terperinci tentang cara seseorang menerima dan memproses maklumat yang diterima daripada persekitarannya (Saedah & Knolle, 1994). Sehubungan dengan itu, mengetahui dan memahami gaya belajar pelajar merupakan kunci penting ke arah menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan kepada pengajar dan pelajar.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada masalah-masalah tersebut, kajian yang melihat gaya belajar dan kaitannya dengan proses pengajaran dan pembelajaran perlu diselidiki secara empirikal jika ingin mendapatkan

gambaran yang lebih luas dan terperinci tentang gaya belajar pelajar terutamanya dalam konteks pendidikan tempatan.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan gaya belajar sebagai salah satu ciri perbezaan individu di kalangan pelajar lelaki dan perempuan.

Oleh itu objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini ialah:

- a. Mengenal pasti gaya belajar yang disukai di kalangan pelajar lelaki dan perempuan Tingkatan 4 aliran sains dan kemanusiaan di SMK Badin, Tuaran.
- b. Membandingkan gaya belajar yang disukai di kalangan pelajar lelaki dengan pelajar perempuan Tingkatan 4 aliran sains dan aliran kemanusiaan di SMK Badin, Tuaran.

1.4 Soalan Kajian

Persoalan yang hendak dijawab melalui kajian ini ialah:

- i. Apakah gaya belajar yang disukai oleh pelajar Tingkatan 4 di SMK Badin, Tuaran.
- ii. Apakah gaya belajar yang disukai oleh pelajar lelaki Tingkatan 4 aliran sains di SMK Badin, Tuaran.

- iii. Apakah gaya belajar yang disukai oleh pelajar lelaki Tingkatan 4 aliran kemanusiaan di SMK Badin, Tuaran.
- iv. Apakah gaya belajar yang disukai oleh pelajar perempuan Tingkatan 4 aliran sains di SMK Badin, Tuaran.
- v. Apakah gaya belajar yang disukai oleh pelajar perempuan Tingkatan 4 aliran kemanusiaan di SMK Badin, Tuaran.

1.5 Hipotesis Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya belajar sebagai salah satu ciri perbezaan individu di kalangan pelajar lelaki dan perempuan mempunyai perbezaan yang signifikan atau tidak di kalangan pelajar Tingkatan 4 aliran sains dan kemanusiaan. Hipotesis nul adalah seperti berikut:

- Ho 1 Tidak terdapat perbezaan signifikan gaya belajar yang disukai antara pelajar lelaki Tingkatan 4 aliran sains dengan pelajar lelaki Tingkatan 4 aliran kemanusiaan dalam 22 elemen subskala.
- Ho 2 Tidak terdapat perbezaan signifikan gaya belajar yang disukai oleh pelajar perempuan Tingkatan 4 aliran sains dengan pelajar perempuan Tingkatan 4 aliran kemanusiaan dalam 22 elemen subskala.
- Ho 3 Tidak terdapat perbezaan signifikan gaya belajar yang disukai oleh pelajar lelaki Tingkatan 4 aliran sains dengan pelajar perempuan Tingkatan 4 aliran sains.